

# **Perilaku Seksual Remaja *Autistic Spectrum Disorders* (Asd) Dan Perkaitannya Dengan Kesalahan Jenayah Seksual Syariah**

Zuraini Yaakub & Zuliza Mohd Kusrin  
Jabatan Syariah, Universiti Kebangsaan Malaysia

## **Abstrak**

ASD merupakan kecelaruan perkembangan neorologi yang boleh dikenal pasti melalui karektor tersendiri pengidapnya. Simptom kecelaruan ini memberi kesan yang besar terhadap keupayaan individu ini untuk berinteraksi, berkomunikasi dan berimajinasi secara normal. Walaubagaimanapun terdapat beberapa bentuk perilaku seksual yang ketara di kalangan remaja ASD menyebabkan mereka sangat berpotensi untuk terlibat dalam sistem keadilan jenayah terutama berkaitan jenayah seksual syariah. Tambahan lagi sistem perundangan jenayah di Malaysia belum lagi mengasingkan antara pelaku jenayah seksual ASD dengan pelaku normal. Justeru, objektif kertas kerja ini adalah untuk mengkaji perilaku seksual remaja ASD dan peruntukan kesalahan perilaku seksual berkaitan menurut Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia. Metodologi pengumpulan data dilakukan melalui analisis dokumen daripada sumber-sumber seperti buku-buku, jurnal-jurnal dan kitab-kitab fiqh. Data-data terkumpul dianalisis secara diskriptif. Analisis data yang dilakukan menunjukkan bahawa perilaku seksual signifikan dengan remaja ASD seperti masturbasi, melihat atau menyentuh bahagian sulit orang lain, terlibat dengan perbuatan homoseksual, meniru perbuatan persetubuhan dan lain-lain. Situasi cenderung terhadap perilaku seksual ini menyumbang kepada perbuatan jenayah seksual seiring dengan kehendak seksual yang semulajadi tinggi dalam kalangan remaja ASD. Analisis juga mendapati perilaku seksual tersebut kebanyakannya termaktub dalam kesalahan jenayah seksual menurut Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia.

**Kata kunci:** *Autistic Spectrum Disorders* (ASD), perilaku seksual, jenayah Syariah

## **Definisi ASD**

ASD berasal daripada perkataan Greek, “*auto*” yang bermakna diri dan “*ism*” yang bermakna “keadaan”. Pengertian ringkas ini merujuk kepada satu keadaan di mana seseorang itu sentiasa bersendirian di dalam dunianya yang tersendiri (*American Psychiatric Association* 1994). Sejalan dengan perkembangan sains dan teknologi pada zaman moden ini, ASD dikenalpasti sebagai ketidakmampuan perkembangan bio-neurologi (Sapp 2007). Menurut Bishop et al (2008), ASD ialah kecelaruan perkembangan neorologi yang dikenal pasti melalui karektornya yang tersendiri iaitu tidak mampu menjalin hubungan komunikasi dua arah dan mempamerkan pergerakan dan kecenderungan yang berulang-ulang. Takrif ini disokong oleh Jordan (1999) yang mengatakan ASD merupakan satu kecelaruan neorologi yang kompleks yang mempengaruhi cara seseorang berkomunikasi dengan orang lain. Kecelaruan neorologi ini turut memberi kesan yang besar kepada perkembangan psikologi dan perilaku ASD (Realmuto & Ruble 1999).

Menurut Wing (1976), walaupun individu ASD tergolong dalam kalangan yang dilabelkan

sebagai terencat akal tetapi ia hampir kepada normal malah terdapat sejumlah skor kecil yang boleh dikategorikan dalam julat normal dan cerdas. ASD juga ditakrifkan sebagai pelbagai gangguan dan kecelaruan perkembangan yang kompleks, telah ditemui dalam semua bangsa, etnik dan kumpulan sosial di seluruh dunia (Perko & Mc Laughlin 2002). Gangguan dan kecelaruan ini turut memberi kesan yang teruk terhadap kemampuan seseorang untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang-orang di sekelilingnya (*American Psychiatric Association* 1994). Tidak seperti *down sindrom* dan kecacatan-kecacatan lain, ciri-ciri ASD sukar dikenal pasti secara fizikal. Ini adalah disebabkan mereka kelihatan normal, cuma dikenal pasti oleh pakar perubatan melalui pelbagai tanda yang menunjukkan keadaan tersebut.

Secara amnya, individu ASD dikategorikan kepada dua iaitu individu yang mengalami kerencatan mental yang dikenali sebagai *Low Functioning Autism* (LFA) sementara yang tidak mengalami kerencatan mental dikenali sebagai *High Functioning Autism* (HFA). Kedua-duanya menunjukkan perilaku seksual yang tidak sepatutnya (Bourgondein et al 1997). Namun menurut kajian A.Huwaidi, Wid H.Daghustani (2013) HFA mempunyai kemahiran sosial seksual yang lebih tinggi berbanding LFA. Justeru, perilaku seksual melampau tidak begitu ketara dalam kalangan HFA. Demikian juga hasil kajian Kalyva (2010), remaja yang mengalami LFA dilaporkan mengalami perilaku seksual yang lebih bahaya daripada kelompok mereka yang mengalami HFA. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini turut menunjukkan kolerasi kemahiran sosial seksual di antara kedua-dua kategori ASD selain membuktikan berlakunya perilaku seksual yang biasa dilakukan dalam kalangan mereka (A.Huwaidi, Wid H.Daghustani 2013).

### **Masalah Perilaku Seksual Remaja ASD**

Tingkah laku seksual merujuk kepada sebarang bentuk perilaku yang didorong oleh hasrat seksual, baik dengan lawan jenis ataupun yang sama jenis sama ada bercium, berkhayal, berpeluk, meraba, masturbasi, oral seks dan bersenggama (Crockett et al 2003). Berdasarkan beberapa kajian yang dilakukan, terdapat beberapa perilaku seksual remaja ASD seperti perbincangan berikut.

#### **a) Persetubuhan Haram**

Tertarik pada seseorang secara obses dan mengalami percintaan sebagaimana insan biasa adalah sesuatu yang semulajadi bagi individu remaja ASD. Hal ini membuktikan bahawa remaja ASD sebenarnya mampu mengalami keintiman romantis dalam kehidupan mereka (Wedmore 2011).

Kajian oleh Zuraini (2015) turut melaporkan kes remaja ASD yang terlibat dengan persetubuhan haram dengan individu yang diminatinya secara obses. Malah kenafian remaja ASD tentang seksualiti seringkali diambil kesempatan oleh individu yang sepatutnya melindungi mereka apabila kes sumbang mahram turut berlaku dalam kalangan individu kategori Orang Kurang Upaya (OKU) ini. Akhirnya sanggup pula membenarkan remaja ASD dalam peliharaannya melacurkan diri. Fakta ini sinonim dengan dapatan kajian Brown et. al (2014) bahawa remaja ASD lebih berkemungkinan untuk mengalami paksaan seksual sebanyak 2.7 kali ganda daripada remaja normal.

#### **b) Masturbasi**

Menurut kajian Hellemans et al (2007), terhadap 24 remaja lelaki HFA mendapati hampir 75% remaja ASD mempamerkan perilaku seksual tertentu dengan melakukan masturbasi sebagai pilihan yang utama selain menunjukkan minat terhadap seks dan pelbagai perilaku seksual. Malah mereka turut mempamerkan perilaku seksual menyimpang seperti hypermasturbasi menggunakan objek untuk melakukan masturbasi secara berulang kerana kegagalan mencapai orgasm. Menurut kajian ini lagi, kemahiran sosial seksual yang betul diketahui oleh remaja ASD tetapi dari sudut amalannya masih sederhana. Demikian juga kajian oleh Bourgondein et al (1997) terhadap 89 individu ASD yang berusia 16 hingga 59 tahun. Seramai 58% dalam kalangan mereka akan melakukan masturbasi dengan 24% daripada mereka akan menggunakan objek ketika melakukannya. Manakala Mohamed A.Huwaidi dan Wid H.Daghustani (2013) telah membuat kajian terhadap kebiasaan perilaku seksual remaja ASD menurut perspektif ibu bapa dan guru-guru kepada 61 remaja ASD lelaki yang berusia 12 hingga 21 tahun. Kajian ini menghasilkan dapatan bahawa 82% ASD menggunakan objek yang tidak berbahaya seperti kulit, getah, dan mainan kanak-kanak untuk melakukan masturbasi. Demikian juga hasil kajian Bisera (2010), antara perilaku seksual yang kerap ditonjolkan oleh remaja ASD adalah masturbasi. Perilaku ini adalah satu bentuk rangsangan diri oleh penghidap ASD. Sungguhpun masturbasi adalah sebahagian dari kehidupan yang normal tetapi remaja ASD tidak mengetahui bahawa melakukannya di khalayak ramai adalah tidak wajar dan mereka mungkin perlu diingatkan malah dihalang melakukannya secara berulang kali. Seterusnya kajian Ruble & Dalrymple (1993) terhadap 100 pengasuh ASD dan mendapati 23 % remaja ASD melakukan masturbasi di hadapan khalayak ramai, manakala 14% melakukan masturbasi menggunakan objek.

#### **c) Menunjukkan Kemaluan di Khalayak Ramai**

Kajian oleh Ruble & Dalrymple (1993) terhadap 100 pengasuh ASD mendapati 28% ASD membuka pakaian di hadapan khalayak ramai. Manakala kajian Mohamed A.Huwaidi & Wid H.Daghustani (2013) mendapati 77% daripada 61 remaja ASD lelaki yang berusia 12 hingga 21 tahun tidak berpakaian di hadapan umum. Namun Bisera (2010), mendapati remaja ASD turut mendedahkan diri dengan membuka pakaian menunjukkan zakar bukanlah bertujuan menunjukkan dirinya secara seksual tetapi sebenarnya kerana tidak memahami perkara yang mereka lakukan dan sebaliknya memerlukan latihan supaya tidak berulang. Ives & Munro (2002) pula mengatakan menunjukkan kemaluan adalah berpunca daripada sikap tidak pandai mengurus diri dan menjaga kebersihan termasuklah enggan menggunakan tandas untuk membuang air.

#### **d) Menyentuh Orang Lain secara tidak Sopan**

Menurut kajian Bourgondein et al (1997), 34 % mempamerkan perilaku seksual kepada orang lain tidak hanya terhadap diri sendiri sahaja. Kajian Hellemans et al (2007) terhadap 24 remaja lelaki HFA pula mendapati 46% daripada remaja ASD memeluk dan menyentuh orang lain, sementara 17 % daripada mereka tidak menghiraukan ketidakselesaan orang lain terhadap tindakan mereka. Manakala kajian Ruble & Dalrymple (1993) terhadap 100 pengasuh ASD mendapati, 18% remaja ASD menyentuh individu yang berlawanan jantina dengan cara yang kurang sopan. Kajian Mohamed A.Huwaidi & Wid H.Daghustani (2013) pula mendapati 75.4% remaja ASD meraba dan 67.3% mencium orang yang tidak dikenali. Bisera (2010) juga mendapati bahawa remaja ASD suka menyentuh buah dada dan lutut perempuan secara tidak sesuai.

#### e) Mengintai

Menurut kajian Mohamed A.Huwaidi & Wid H.Daghustani (2013) 80.4% remaja ASD didapati gemar memerhati tubuh orang lain untuk memperoleh rangsangan seksual dan 74% lagi mengintai.

#### f) Lain-lain Perilaku Seksual

Kajian Bourgondein et al (1997), 34 % mendapati remaja ASD mempamerkan perilaku seksual kepada orang lain tidak hanya terhadap diri sendiri sahaja. Manakala menurut Bisera (2010), mereka juga mengalami fetishism sebagai kecelaruan utama tentang seksualiti iaitu suatu objek dijadikan sebagai insentif untuk rangsangan seksual seperti pakaian dalam yang kotor, pakaian perempuan dan sarung tangan getah tetapi ia jarang berlaku. Mereka juga mengalami kecelaruan identiti gender yang menyebabkan mereka tidak selesa dengan gender sendiri seterusnya ingin memakai pakaian dan bermain permainan gender yang bertentangan dengan mereka. Mereka juga mengalami froterism tetapi merupakan kecelaruan yang jarang berlaku iaitu melalui geseran organ seks daripada orang lain atau objek untuk menggalakkan rangsangan seksual.

Kesemua perilaku ini turut diakui oleh kajian Zuraini (2014) yang menganggap masturbasi sebagai perilaku paling popular dalam kalangan remaja ASD. Menariknya, apabila merujuk kepada Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997 (Akta 559) didapati kesemua kesalahan perilaku seksual remaja ASD adalah sinonim dengan 8 kesalahan jenayah seksual syariah iaitu di bawah seksyen 20, 21, 23, 24, 25, 27, 28, 29 seperti yang disenaraikan dalam Jadual 1.1 di bawah.

#### Perkaitan perilaku seksual remaja ASD dengan kesalahan Jenayah Seksual Syariah

Analisis terhadap perilaku seksual remaja ASD mendapati, sebahagian besar daripada perilaku seksual tersebut telah dikanunkan sebagai kesalahan jenayah seksual syariah dalam akta dan enakmen-enakmen jenayah syariah negeri-negeri. Perlakuan-perlakuan seksual mereka yang telah dikodifikasikan sebagai kesalahan jenayah syariah adalah perbuatan melakukan persetubuhan haram seperti perbuatan sumbang mahram, pelacuran dan persetubuhan luar nikah. Perbuatan yang menjurus kepada perilaku seksual juga adalah mengintai atau menyentuh bahagian sulit orang lain, meniru perbuatan persetubuhan dan membuat aksi ciuman. Seterusnya perilaku seksual lain adalah melakukan persetubuhan haram seperti liwat, *musahaqah*, khalwat. Perlakuan lain adalah tindakan berpakaian seperti perempuan, Perbuatan tidak sopan di tempat awam seperti masturbasi di hadapan awam dan menunjuk bahagian sulit kepada orang lain. Perbincangan khusus telah dijelaskan dalam Jadual 1.1 dengan merujuk kepada Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan (1997) Akta 559.

Jadual 1.1: Kesalahan Perilaku Seksual Remaja ASD Yang Sinonim Dengan Kesalahan Jenayah Seksual Syariah

| Kesalahan Perilaku Seksual | Akta 559 | Hukuman |
|----------------------------|----------|---------|
|----------------------------|----------|---------|

|  |            |  |
|--|------------|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>Melakukan persetubuhan haram</li> </ul> | Seksyen 20 | <p style="text-align: center;">Perbuatan sumbang mahram</p> <p>Mana-mana orang yang melakukan perbuatan sumbang <i>mahram</i> adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.</p>   |
|  | Seksyen 21 | <p style="text-align: center;">Pelacuran</p> <p>1) Mana-mana orang perempuan yang melacurkan dirinya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.</p> <p>2) Mana-mana orang yang :-</p> <p>(a) melacurkan isterinya atau kanak-kanak perempuan dalam peliharaannya; atau</p> <p>(b) menyebabkan atau membenarkan isterinya atau kanak-kanak perempuan dalam peliharaannya melacurkan diri,</p> <p>adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.</p>                                     |
|  | Seksyen 23 | <p style="text-align: center;">Persetubuhan luar nikah</p> <p>Mana-mana orang lelaki yang melakukan persetubuhan dengan orang perempuan yang bukan isterinya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.</p> <p>Mana-mana orang perempuan yang melakukan persetubuhan dengan orang lelaki yang bukan suaminya yang sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana hukuman itu.</p> <p>3) Hakikat bahawa seorang perempuan hamil luar nikah akibat daripada persetubuhan yang dilakukan dengan</p> |

|  |            |  |
|--|------------|--|
|  |            | kerelaannya adalah keterangan <i>prima facie</i> tentang pelakuan kesalahan di bawah subseksyen (2) oleh orang perempuan itu.4)Bagi maksud subseksyen (3), mana-mana orang perempuan yang melahirkan anak yang sempurna sifatnya dalam tempoh yang kurang daripada enam bulan <i>qamariah</i> dari tarikh pernikahannya hendaklah disifatkan telah hamil luar nikah.   |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengintai atau menyentuh bahagian sulit orang lain</li> <li>• Meniru perbuatan persetubuhan</li> <li>• Membuat aksi ciuman</li> </ul> | Seksyen 24 | <p>Perbuatan sebagai persediaan persetubuhan luar nikah</p> <p>Mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.</p>  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Homoseksual</li> </ul>  | Seksyen 25 | <p>Liwat</p> <p>Mana-mana orang lelaki yang melakukan liwat adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.</p>   |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Musahaqah</i></li> </ul>   | Seksyen 26 | <p>Mana-mana orang perempuan yang melakukan <i>musahaqah</i> adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.</p>  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Berada bersama seorang perempuan atau lelaki yang bukan isteri atau suaminya</li> </ul>   | Seksyen 27 | <p>Khalwat</p> <p>Mana-mana :-</p> <p>(a)orang lelaki yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang perempuan yang bukan isteri atau mahramnya; atau</p> <p>(b) orang perempuan yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suami atau mahramnya, di mana-mana tempat yang terselindung atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila</p> |

|   |            |   |
|---|------------|---|
|   |            | disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.   |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memakai pakaian perempuan</li> </ul>   | Seksyen 28 | Lelaki berlagak seperti perempuan<br>Mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Masturbasi di hadapan awam</li> <li>• Menunjuk bahagian sulit kepada orang lain</li> </ul> | Seksyen 29 | Perbuatan tidak sopan di tempat awam<br><br>Mana-mana orang yang bertindak atau berkelakuan tidak sopan bertentangan dengan Hukum Syarak di mana-mana tempat awam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya              |

*Sumber: Diadaptasi daripada Zuraini 2014*

Jadual 1.1 menunjukkan keterlibatan remaja ASD dengan persetubuhan haram yang melibatkan Seksyen 20, Seksyen 21 dan Seksyen 23 Akta 559. Kesalahan jenayah seksual Syariah yang terlibat di bawah seksyen ini adalah sumbang mahram, pelacuran dan persetubuhan luar nikah. Hukuman bagi kesalahan jenayah ini apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disabitkan tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu. Kajian oleh Zuraini (2015) menunjukkan bahawa remaja ASD melakukan persetubuhan haram tanpa memahami bahawa perlakuan seksual tersebut adalah suatu kesalahan jenayah seksual melainkan semata-mata manipulasi terhadap kenafian remaja ASD dalam hal ini. Malah menurut dan Brown (2014) individu remaja ASD kurang mampu untuk menentukan aktiviti seksual berbanding dengan individu bermasalah pembelajaran lain yang turut mengalami kelewatan perkembangan kognitif. Justeru itu risiko penganiayaan seksual terhadap remaja ASD adalah lebih tinggi. Selain itu kegagalan remaja ASD memahami hubungan sosial turut memudahkan individu ini dieksploitasi sebagai tali barut dalam kegiatan jenayah seksual ini (Allen 2008).

Menurut kajian Zuraini (2014), remaja ASD juga turut didapati terlibat dengan perbuatan mengintai atau menyentuh bahagian sulit orang lain, membuat aksi ciuman dan seringkali juga didapati meniru perbuatan persetubuhan. Perbuatan ini dilakukan di hadapan khalayak atau berseorangan dengan penuh ghairah dan boleh dianggap sebagai perbuatan persediaan persetubuhan luar nikah di bawah Seksyen 24 Akta 559 terutama seandainya perbuatan ini mendapat respons daripada individu lain. Di bawah seksyen 24 ini, mana-mana orang yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Namun, remaja ASD sering dilihat seolah-olah tidak berminat dengan hubungan romantik tetapi hakikat sebenarnya mengalami perasaan dan keinginan yang serupa dengan individu normal cuma tidak berpeluang mempelajari bagaimana untuk memahami dan mengenal pasti keinginan tersebut (Wedmore 2011). Menafikan dan membiarkan sifat ingin tahu terhadap seks yang dihadapi oleh ASD akan menyumbang kepada perilaku tidak sopan yang dipamerkan secara jelas oleh individu ASD (Kalyva 2010). Walaubagaimanapun, hukuman terhadap kesalahan jenayah seksual Syariah yang dilakukan sama sekali tidak membezakan pelakunya.

Kajian Zuraini (2014), Gilmour et al (2012), Dewinter et al (2015) turut mendapati remaja ASD terutama yang mengalami *High Functioning Autism* (HFA) lebih bertoleransi dengan homoseksual dan lesbian berbanding remaja normal. Hasil kajian turut mencatatkan keterlibatan remaja ASD dalam perbuatan homoseksual dengan jumlah yang agak besar. Manakala kajian Gilmour et al (2012) turut mendapati isu cenderung kepada kegiatan ini dalam kalangan remaja perempuan ASD. Justeru perhatian penuh sepatutnya diberi tentang isu ini terutamanya tentang literasi undang-undang jenayah seksual Syariah khusus untuk remaja ASD untuk meningkatkan kualiti hidup mereka kerana kecenderungan kepada gender yang sama ini mendekatkan remaja ASD dengan kesalahan jenayah liwat dan *musahaqah*. Berpandu kepada Seksyen 25 dan Seksyen 26 Akta 559, mana-mana orang lelaki dan perempuan yang melakukan liwat atau *musahaqah* adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Remaja ASD turut berkemungkinan terjebak dalam kesalahan khalwat di bawah Seksyen 27 Akta 559 apabila berada bersama seorang perempuan atau lelaki yang bukan isteri atau suaminya (Zuraini 2014). Hal ini boleh berlaku kerana karektor remaja ASD yang sering mengalami risiko salah faham sosial, mempunyai kawalan impuls yang lemah, kurang empati dan pemahaman oleh masyarakat, terlalu obses dalam memenuhi minat istimewa mereka, gagal untuk memahami implikasi tingkah laku, tegar mematuhi peraturan-peraturan (Morgan et al (2001). Karektor ini kemudiannya turut memudahkan remaja ASD dieksploitasi sebagai tali barut dalam kegiatan khalwat akibat daripada kegagalan mereka memahami hubungan sosial (Allen 2008). Selain itu faktor karektor ini juga akan mudah mengaitkan mereka dengan motif kesalahan tersebut dilakukan (Helterschou et al 2015). Seseorang remaja ASD boleh disabitkan kesalahan di bawah seksyen ini apabila didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki atau perempuan yang bukan suami atau isteri atau mahramnya di mana-mana tempat yang terselindung atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan yang tidak bermoral, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Selain kesalahan khalwat, sifat obses terhadap sesuatu yang diminati turut menyebabkan remaja ASD lelaki sanggup mencuri pakaian individu yang diminatinya dan berpakaian seperti perempuan berkenaan (Zuraini 2014). Namun adakalanya kesalahan ini dilakukan semata-mata sebagai insentif untuk mendapat rangsangan seksual (Bisera 2010). Perbuatan ini boleh menyebabkan mereka disabitkan kesalahan di bawah seksyen 28 Akta 559 iaitu mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana



tempat awam atas tujuan tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Selain itu, remaja ASD seringkali mempamerkan perilaku seksual yang melampau di hadapan khalayak apabila membuka pakaian dan menunjukkan kemaluan seterusnya melakukan masturbasi tanpa segan silu. Perbuatan tidak sopan bertentangan dengan Hukum Syarak di tempat awam ini jika sabit kesalahan boleh disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 29 Akta 559 dan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Perilaku masturbasi ini begitu popular dalam kalangan remaja ASD disebabkan oleh kegemaran menyentuh kemaluan di samping tidak berupaya untuk mencapai orgasm. Lebih sukar lagi ialah apabila individu remaja ASD mengalami pengalaman ini sedangkan di waktu yang sama mereka mengalami kesukaran untuk berkomunikasi dan bersosial (Bishop et al 2008; Wall 2004; Plimley et al 2007). Selain itu, faktor yang menyebabkan kemunculan perilaku seksual ini adalah disebabkan oleh kurang pengetahuan remaja ASD tentang penjagaan diri, kurang kemahiran sosio seksual dan lebih bermasalah untuk mengaplikasikan kemahiran ini apabila mempunyai minat yang tinggi terhadap seksualiti berbanding dengan remaja normal terutama apabila mencapai akil baligh (Hellemans et al 2007). Perubahan biologi yang berlaku dilalui tanpa difahami. Malah menurut kajian Hellemans et al. (2007) juga, 1/3 daripada remaja ASD berpotensi untuk terjebak dalam kancan jenayah seksual, sama ada sebagai pelaku ataupun mangsa penderaan seksual adalah kerana simptom kurang kemahiran bersosial yang dialami oleh remaja ASD.

Oleh kerana tiada proses pendidikan tentang kesalahan jenayah seksual syariah yang dilalui oleh remaja ASD secara kolektif di sekolah (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia 2016), mengenakan hukuman kepada mereka boleh dianggap sebagai penganiayaan. Setelah penganiayaan ini berlaku kepada mereka, sekali lagi mereka teraniaya melalui hukuman yang dikenakan ke atas kesalahan jenayah seksual syariah sama dengan tipikal pesalah jenayah seksual syariah yang lain. Kemungkinan situasi ini yang menyebabkan pesalah seksual remaja ASD mengalami simptom stress lebih tinggi kerana menghadapi penderaan dan pengabaian emosi yang teruk (Jessical et al 2013). ). Justeru situasi ini sangat perlu ditangani sebaiknya kerana kenaifan mereka tentang pengetahuan seksual menyebabkan mereka dengan mudah terjebak dengan kesalahan jenayah seksual Syariah.

Walaupun sehingga hari ini masih tiada bukti untuk mengandaikan bahawa orang yang mempunyai ASD lebih cenderung untuk melakukan kesalahan daripada orang lain, namun disebabkan oleh kriteria dan ciri-ciri tertentu yang dimiliki oleh remaja ASD boleh mengaitkan mereka dengan kesalahan jenayah seksual (Cashin & Newman 2009; Mouridsen & Svend Erik 2012). Kajian oleh Mouridsen & Svend Erik (2012) mendapati pesalah jenayah di kalangan remaja ASD pada kebiasaannya adalah terdiri daripada atipikal ASD dan Asperger yang sering disamakan dengan *High Functioning ASD* (HFA). Kebanyakan pesalah jenayah kebiasaannya tidak dapat dibuktikan sebagai individu ASD atau disahkan ASD agak lewat iaitu setelah mencecah usia 25 tahun (Hellerschou et al 2015). Situasi yang sama berlaku di Norway apabila kajian yang dilakukan daripada tahun 2000 sehingga 2010 mengenai karektor 48 pesalah individu dewasa yang dihadapkan ke mahkamah mendapati bahawa 22 daripada 48 telah didiagnosis sebagai ASD dan didiagnosis agak lewat iaitu setelah berusia 25 tahun (Hellerschou et al 2015). Data ini menunjukkan bahawa lebih kurang 46% pesalah adalah ASD. Tidak seperti orang lain yang melakukan perbuatan jenayah, majoriti individu ASD dalam kajian ini

menunjukkan tiada bukti penyalahgunaan dadah, mempunyai hubungan yang rapat dengan mangsa mereka dan bersedia untuk mengaku kepada pertuduhan jenayah yang dilakukan. Hubungan antara ciri-ciri ASD dan perbuatan jenayah tidak dapat dikenal pasti tetapi dalam kebanyakan kes ciri-ciri ASD seperti berada dalam dunia tersendiri dan obses terhadap sesuatu kelihatan berkaitan dengan motif bagi kesalahan tersebut.

Kecenderungan untuk melibatkan diri dalam kesalahan tingkah laku seksual (Melina et al 2013) adalah kerana minat yang tinggi terhadap seksualiti (Hellemans et al 2007). Kajian lalu membuktikan kecenderungan mereka untuk mengulangi kesalahan seksual adalah 6.8 kali dan 3.5 kali ganda daripada individu normal. Selain itu, mereka turut berisiko melakukan pengulangan dalam tempoh yang singkat iaitu sekitar 2 hingga 4 tahun (Leam & Roger 2005). Demikian juga dapatan kajian Turcotte et al (2014) yang menyatakan bahawa individu remaja ASD adalah 6.13 kali lebih berkemungkinan untuk terlibat dengan sistem keadilan jenayah sehingga menyumbang kepada peningkatan jenayah yang ketara sepanjang tahun 2005-2011.

## **Kesimpulan**

Kecelaruhan neorologi yang kompleks menyebabkan munculnya beberapa perilaku seksual yang ketara gagal diadaptasi dengan baik oleh individu remaja ASD. Perilaku ini ditonjolkan berpunca daripada kurangnya kemahiran sosial dan sosio seksual, tidak mampu mengurus diri, pengaruh hormon, masyarakat yang tidak membantu dan kelemahan pengetahuan dan kemahiran individu yang mengurus remaja ASD selain pernah menjadi mangsa penderaan fizikal atau seksual. Isu-isu perilaku seksual kerana minat yang tinggi terhadap seksualiti dan karektor tersendiri individu remaja ASD mendorong mereka untuk melibatkan diri dalam kesalahan jenayah seksual dan seringkali pula diulangi dalam tempoh yang singkat. Situasi yang mencemaskan ini perlu kepada langkah yang praktikal untuk ditangani pihak berkepentingan kerana remaja ASD adalah individu bermasalah pembelajaran tetapi hampir kepada normal. Justeru remaja ASD tetap dilayan sebagai penjenayah biasa jika terbukti melakukan kesalahan termasuklah kesalahan jenayah seksual syariah. Keadaan ini menyebabkan hak ASD mendapat keadilan sewajarnya dipinggirkan. Justeru, dari aspek perundangan jenayah, usaha-usaha mewujudkan ASD sebagai dalihan kepada pensabitan dan hukuman jenayah perlu dicadangkan bagi mengelakkan penganiayaan berlaku terhadap mereka.

## **Rujukan**

- American Psychiatric Association .1994. *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders*. Ed.Ke-4.USA:APA
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan (1997).
- Allen, D., Evans, C., Hider, A., Hawkins, S., Peckett, H., Morgan, H. 2008. Offending Behaviour in Adults with Asperger Syndrome. *Jurnal Autism*, 748-758.
- Bisera, M. 2010. Opinions and Attitudes Of Parents and Students For Sexual Development, Sexual Behavior and Gender Identity Of Persons with Autism in The Republic of Macedonia. *Journal Of Special Education And Rehabilitation* 9(3): 7-24.

- Bishop, S.L., Luyster, R., Richler, J., Lord, C. 2008. Diagnostic Assessment. Dlm. Chawarska, K., Klin, A., Volkmar, F.R. (pnyt), *Autism Spectrum Disorders in Infants and Toddlers*, hlm. 23-49. New York: The Guilford Press.
- Brown-Lavoie S.M., Viecili M.A., Weiss J.A. 2014. Sexual Knowledge and Victimization In Adults with Autism Spectrum Disorders. *Jurnal Autism Development Disorders*. 44(9): 85-96.
- Cashin, A.J. & Newman, C. 2009. Autism in the Criminal Justice Detention System : A Review of the Literature. *Journal of Forensic Nursing*. 5(2): 70-75.
- Crockett, Lisa J., Raffaelli, Marcela, Moilanen, Kristin L. 2003. Adolescent Sexuality: Behavior and Meaning. <http://digitalcommons.unl.edu/psychfacpub/245>. [24 November 2014].
- Dewinter, J., Vermeiren, R., Vanwesenbeeck, I., Lobbestael, J., Van N. C. 2015. Sexuality in Adolescent Boys with Autism Spectrum Disorder : Self-reported Behaviours and Attitudes. *Journal of Autism and Developmental Disorders*. 3 (45): 731-741
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia 2016
- Gilmour, L. Schalomon, P.M., Smith, V. 2012. Sexuality an a Community Based Sample of Adults with Autism Spectrum Disorder. *Research In Autism Spectrum Disorders* (6): 313-318.
- Hellemans, H., Colson, K., Verbraeken, C., Vermeiren, R., Deboutte, D. 2007. Sexual Behavior in High-Functioning Male Adolescents and Young Adults with Autism Spectrum Disorder. *Journal Of Sexuality And Disability* 37(2): 260-269.
- Helverschou, S. B., Rasmussen, K., Steindal, K., Sondanaa, E., Nilsson, B., Nottestad, J. A. 2015. Offending Profiles of Individuals with Autism Spectrum Disorder: A Study of All Individuals with Autism Spectrum Disorder Examined by The Forensic Psychiatric Service in Norway between 2000 and 2010. *Journal Autism*. 19(7): 850-858.
- Ives, M. & Munro, N. 2002. *Caring for a Child with Autism*. London: Jessica Kingsley Publishers.
- Jordan, R. (1999). *Autistic Spectrum Disorders: an Introductory for Practitioners*. London: David Fulton Publishers Handbook.
- Kalyva, E. 2010. Teacher's Perspective of the Sexuality of Children with Autism Spectrum Disorders. *Research In Autism Spectrum Disorders* 432-437.
- Leam A. C. & Roger B. H. 2005. Sexual Offenders with Learning Disabilities: Risk, Recidivism and Treatment. *Journal of Sexual Aggression*. 11: 289-304

- Mohamed A.Huwaidi, Wid H.Daghustani. 2013. Sexual Behavior in Male Adolescents with Autism and it's Relation to Social Sexual Skills in the Kingdom of Saudi Arabia. *International Journal Of Special Education* 28(2): 1-7.
- Mouridsen & Erik S. 2012. Current Status of Research on Autism Spectrum Disorders and Offending. *Research in Autism Spectrum Disorders*.6(1): 79-86.
- Perko,S. & Mc Laughlin, T.F. 2002. Autism : Characteristics , Causes and Some Educational Interventions. *Journal of Special Education* 17(2): 59-68.
- Plimley, L., Bowen, M., Morgan, H. 2007. *Autistic Spectrum Disorders in the Early Years*. London: Paul Chapman Publishing.
- Realmuto, G.,& Ruble, L. 1999. Sexual Behavior in Autism : Problems of Definition and Management. *Journal Autism And Developmental Disorders* 121-127.
- Ruble, L.A. & Dalrymple, N.J. 1993. Social/Sexual Awareness of Persons with Autism: a Parental Perspective . *Archives of Sexual Behavior* 229-240.
- Sapp, S.E. 2007. Autisms: Symptoms Causes and Treatments.Thesis Projects. Tennessee: University Of Tennessee Honors, Tennessee.
- Turcotte, P. 2014. Juvenile Justice Encounters in an ASD Population. Thesis Master. Drexel Autism Institute, Drexel.
- Wall, K. 2004. *Autism and Early Years Practice*. London: Paul Chapman Publishing.
- Walters, J.B., Hughes, T.L., Sutton, L.R., Marshall, S.N., Crothers, L.M., Lehman, C., Paserba, D., Talkington, V.,Taormina, R., Huang,A. 2013. Maltreatment and Depression in Adolescent Sexual Offenders with an Autism Spectrum Disorder. *Journal of Child Sexual Abuse*. 22(1): 72-89.
- Wedmore, H.V. 2011. *Autism Spectrum Disorders and Romantic Intimacy*. Iowa: Iowa State University.
- Wing, L. 1976. *An Approach to Teaching Autistic Children*. London: Pergamon Press.
- Zuraini Yaakub. 2014. Amalan Intervensi Perilaku Seksual RemajaAutistic Spectrum Disorders (ASD) Oleh Guru Program Pendidikan Khas Integrasi (GPPKI). Tesis Master. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zuraini Yaakub & Zuliza Mohd Kusrin. 2015. Amalan Intervensi Perilaku Seksual RemajaAutistic Spectrum Disorders (ASD) Oleh Guru Program Pendidikan Khas Integrasi (GPPKI). *Jurnal Islamiyat*. Universiti Kebangsaan Malaysia.